

# Bon Islam: Malaysia perlu ambil peluang

Oleh AZMAN IBRAHIM

ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 5 NOV.

MALAYSIA perlu mengambil peluang dan kesempatan di atas peningkatan pasaran modal dunia terutamanya dalam terbitan bon Islam yang dilihat semakin penting pada pelabur dan kerajaan-kerajaan di seluruh dunia.

Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia, Datuk Tajuddin Atan (**gambar**) berkata, kesedaran mengenai terbitan bon Islam sudah meningkat dalam kalangan komuniti perniagaan global.

Sebagai contoh katanya, kerajaan Britain, Hong Kong dan Afrika Selatan sudah membuat terbitan sulung bon Islam dan sukuk bagi membiayai perniagaan masing-masing.

“Kesungguhan kerajaan-kerajaan tersebut mendapatkan bantuan

pembentukan menerusi terbitan bon Islam membuktikan bahawa mereka percaya dengan struktur pembentukan patuh syariah tersebut,” katanya sewaktu menjadi tetamu jemputan bagi program Putra Leadership Talk di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Naib Canselor Universiti Putra Malaysia, Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi Ramli.

Britain menjadi negara pertama di Barat menerbitkan bon Islam dengan nilai terbitan lebih 200 juta pound atau AS\$336 juta (RM1.1 bilion) bagi tempoh matang selama lima tahun.

Hong Kong pula menerbitkan sukuk bernilai AS\$1 bilion (RM 3.2 bilion) pada September lalu.

Afrika Selatan turut menerbitkan sukuk pertama mereka dengan nilai AS\$500 juta (RM1.6 bilion)

pada September lalu.

Ditanya bagaimana menarik minat golongan muda untuk menyertai aktiviti pasaran modal, Tajuddin berkata, kalangan mahasiswa merupakan peringkat yang betul untuk menyertai program yang dijalankan Bursa Malaysia dan agensi-agensi broker saham.

“Baru-baru ini, Bursa Malaysia menjalin kerjasama dengan Kenanga Investment Bhd. bagi menjalankan Cabaran Dagangan KenTrade yang bermaklumat meningkatkan kesedaran dan melatih generasi muda dalam perniagaan saham.

Cabaran Dagangan KenTrade berlangsung dari 13 Oktober sehingga 7 November depan dengan RM1 juta wang maya diberi setiap peserta untuk didagangkan.

